



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJ - SSH)

Volume 1, Issue 4, November 2016

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocalsciences.com

Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Komprehensif

Ang Kean Hua¹

¹Faculty of Environmental Studies, Universiti Putra Malaysia, UPM Serdang

Correspondence: Ang Kean Hua (angkeanhua@yahoo.com)

Abstrak

Kajian penyelidikan wajib melibatkan kaedah metodologi yang menggunakan proses perancangan, proses applikasi, dan proses analisis. Kajian literatur dijalankan bertujuan untuk menghuraikan perkaitan tentang kawasan sampel, saiz sampel, dan penentuan pengukuran skala. Saiz sampel boleh ditentukan melalui formula (atau persamaan). Apabila saiz sampel diaplikasikan dalam kawasan sampel, persampelan kebarangkalian dan bukan kebarangkalian akan terlibat dalam menentukan kuantiti dan kualiti pengutipan data-data untuk penyelidikan. Persampelan kebarangkalian dibahagikan kepada rawak mudah, sistematik, rawak berlapis, kawasan pelbagai lapisan, dan kelompok; manakala persampelan bukan kebarangkalian pula ialah secara kebetulan, bertujuan, kuota, bola salji, dimensional, kes kritikal, dan variasi maksimum. Kemudian, pengukuran skala dapat ditentukan melalui nominal, ordinal selang dan nisbah ke dalam soal selidik atau temu bual, dimana keempat-empat skala ini akan menentukan pengukuran khas seperti skala Likert, skala Thurstone, skala Guttman, dan skala perbezaan prosedur Semantik dalam menjalankan sesuatu analisis kajian. Oleh itu, saiz sampel dan kawasan sampel, serta penentuan pengukuran skala penting dalam kaedah metodologi bagi melancarkan dan mempercepatkan proses pengutipan dan pengumpulan data.

Kata kunci: penyelidikan, metodologi, saiz sampel, persampelan, skala

Introduction to Framework Metodology in Research Study: A Comprehensive Study

Abstract

Methodology is compulsory in research study that involve with the process of design, application, and analysis. The literature review was conducted to describe the relationship of sampling area, sample size, and determination of the measurement scale. The sample size can be determined through formula (or equation). When sample size are applied in sampling area, probability and non-probability sampling will be involve in determining the quantity and quality of data collection for research. Random probability sampling is divided into simple random, systematic, stages random, various stages random, and grouping; while non-probability sampling can be divided into chance, aimed, quota, snowball, dimensional, critical

cases, and maximum variation. Next, the measurement scale can be determined through normal, ordinal interval and ratio in questionnaire or interview, which all four scales will be determine measurements such as Likert scale, Thurstone scale, Guttman scale, and the difference procedures of Semantics scale in carrying out an analysis research. Therefore, the sample size and sampling area, and also the choice of measurement scale is important in the methodology for smoothing and accelerating the process of collecting and gathering data.

Key words: research, methodology, sample size, sampling, scale

Pengenalan

Kajian penyelidikan dilakukan untuk menyelesaikan isu dan masalah yang berkaitan dengan komuniti dan masyarakat. Kebanyakan isu dan masalah ini berkait dengan ekononmi, politik, budaya dan sosial, dan sebagainya, serta termasuk alam sekitar yang mengalami kemusnahan dan kerosakan yang terlampau ekstrem (Hua and Marsuki, 2014). Salah satu contoh yang dapat dibuktikan adalah pencemaran air yang berlaku di dalam sungai Melaka (Hua, 2014). Pencemaran sungai akan menjejaskan kualiti kehidupan manusia melalui penyebaran penyakit berjangkit, sebaran bau cemar, menjejaskan penglihatan, dan sebagainya; malahan merosakkan alam sekitar darisegi meracuni, membunuh, dan meyebabkan kepupusan kepada hidupan akuatik, serta menjejaskan kualiti nutrien tanah dan pokok-pokok atau tanaman (Hua, 2015). Walau bagaimanapun, proses metodologi dalam menjalankan kajian penyelidikan memainkan peranan penting sebelum menghasilkan keputusan dan informasi dalam mengenali faktor, punca, kesan dan langkah-langkah sebelum ianya membawa kepada keberjayaan mencapai objektif serta menyelesaikan masalah masyarakat.

Kajian penyelidikan yang dijalankan wajib melalui proses metodologi yang tepat dan jitu. Proses metodologi boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat, iaitu proses perancangan, proses aplikasi, dan proses analisis (Hua, 2016a). Proses perancangan boleh melibatkan kepada permulaan, persiapan, pengajuan usul, evaluasi, dan tindakan; manakala proses aplikasi pula adalah berkaitan dengan kaedah pengumpulan data, pemilihan sampel, dan ujian rintis; dan akhir sekali adalah proses analisis yang memperlihatkan kepada proses menghasilkan keputusan atau informasi melalui pengutipan dan pengumpulan data yang telah dilakukan (tanpa melakukan sebarang kesilapan darisegi format dan taknikal) dengan menjalankan analisis-analisis yang sesuai berpandukan kepada objektif kajian. Kajian literatur yang dijalankan oleh Hua (2016a & 2016b) dalam kaedah metodologi, telah menghuraikan dan menjelaskan tentang kaedah kualitatif dan keadah kuantitatif dengan data primer dan data sekunder, serta reka bentuk kajian penyelidikan yang dikategorikan kepada eksperimental dan bukan eksperimental dengan kesesuaian dan ketepatan untuk digunakan dalam kaedah metodologi. Namun, kaedah metodologi tidak dapat dilakukan dalam mendapatkan keputusan dan jawapan yang tepat dan jitu dengan tidak membuat penentuan dalam kawasan sampel, saiz sampel, dan penentuan skala dalam soal selidik. Oleh itu, kajian literatur ini dijalankan dengan berpandukan kepada rangka kerja metodologi yang menghuraikan perkaitan tentang kawasan sampel, saiz sampel, dan penentuan skala dalam soal selidik.

Merujuk kepada maklumat umum, kawasan sampel berkait rapat dengan sampel saiz, dimana penentuan sampel saiz akan memberi gambaran kepada kawasan sampel yang akan diaplikasikan untuk mengutip data. Penentuan sampel saiz boleh dikategorikan kepada kebarangkalian dan bukan kebarangkalian (Chua, 2011). Persampelan kebarangkalian boleh dibahagikan kepada rawak mudah, sistematik, rawak berlapis, kawasan pelbagai lapisan, dan kelompok; manakala persampelan bukan kebarangkalian pula boleh dikategorikan kepada

secara kebetulan, bertujuan, kuota, bola salji, dimensional, kes kritikal, dan variasi maksimum (Chua, 2011). Disamping itu, penggunaan skala boleh dikategorikan kepada tiga bentuk, iaitu skala nominal, skala ordinal, dan skala nisbah dengan nisbah selang (Chua, 2011). Kebiasaanya, ketiga-tiga skala ini diaplikasikan ke dalam sistem perkakas seperti SPSS (Statistical Package for Social Science) dengan merujuk kepada soal selidik yang telah ditetapkan. Namun, ketiga skala ini boleh disenarai dalam skala pengukuran khas seperti skala Likert (Likert, 1932), skala Thurstone (Thurstone, 1927), skala Guttman (Guttman, 1940), dan skala perbezaan prosedur semantik (Osgood, 1957). Oleh itu, penerangan dan pendedahan terhadap sampel saiz dengan kawasan sampel dan penggunaan skala dalam soal selidik akan dijalankan dengan lebih teliti dalam tajuk perbincangan.

Perbincangan

Sampel saiz bagi kajian penyelidikan boleh dibahagikan kepada dua, iaitu kualitatif dan kuantitatif (Chua, 2011). Dalam kualitatif, saiz sampel sebanyak 5 subjek boleh diterima untuk data demografi yang sama (Chua, 2011). Namun jika terdapat demografi berlainan, maka saiz sampel harus diperbesarkan sehingga 15 atau 30 subjek (Bertaux, 1981; Guest et al, 2006). Keadaan adalah berbeza bagi kuantitatif, dimana penentuan saiz sampel bagi sesuatu kajian penyelidikan akan berpandukan kepada pengiraan menggunakan formula seperti berikut (Godden, 2004);

$$SS = Z^2 P(1 - P) / C^2 \quad (1)$$

dimana Z bermaksud dimana 90% aras keyakinan ialah 1.645, 95% aras keyakinan ialah 1.96, 99% aras keyakinan ialah 2.576; P bermaksud populasi dipilih secara rawak, dinyatakan dalam titik perpuluhan; C bermaksud selang keyakinan, dinyatakan dalam titik perpuluhan dimana contohnya 0.04 = +/- 4 point peratusan; SS bermaksud sampel saiz.

Sebagai contohnya, populasi adalah melebihi 50,000 orang;

$$\begin{aligned} SS &= \{[(1.96)^2 \times (0.5) \times (1-0.5)] \div 0.04^2\} \\ &= 600 \end{aligned}$$

Jika jumlah populasi adalah kurang daripada 50,000 orang (contohnya populasi atau (pop) ialah 4,300 orang), maka pengiraannya adalah seperti berikut;

$$\begin{aligned} SS_{\text{baru}} &= SS \div \{1 + [(SS - 1) \div \text{Pop}]\} \\ &= 600 \div \{1 + [(600 - 1) \div 4300]\} \\ &= 527 \end{aligned}$$

Beberapa pakar juga menyatakan pendapat masing-masing dalam memudahkan penentuan sampel saiz, contohnya Krejcie dan Morgan (1970), dan Cohen *et al* (2001). Dalam kajian Krejcie dan Morgan (1970), satu jadual telah diperkenalkan dengan merujuk kepada jumlah populasi penduduk dalam menentukan sampel saiz (rajah 1). Jumlah sampel saiz yang paling sesuai untuk membantu dalam mengutip data adalah sebanyak 370 dengan jumlah populasi sebanyak 10 000 orang. Namun bagi Cohen *et al* (2001), pengiraan sampel saiz wajib mengambil kira aras signifikansi dan ralat persampelan, dimana kesignifikansi pada $p < 0.05$ (aras kebolehpercayaan ialah 95%) atau $p < 0.01$ (aras kebolehpercayaan ialah 99%). Penentuan sampel saiz dalam Cohen *et al* juga dinyatakan dalam jadual seperti rajah 2.

Rajah 1: Krejcie dan Morgan dalam penentuan sampel saiz.

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
10	10	150	108	460	210	2,200	327
15	14	160	113	480	214	2,400	331
20	19	170	118	500	217	2,600	335
25	24	180	123	550	226	2,800	338
30	28	190	127	600	234	3,000	341
35	32	200	132	650	242	3,500	346
40	36	210	136	700	248	4,000	351
45	40	220	140	750	254	4,500	354
50	44	230	144	800	260	5,000	357
55	48	240	148	850	265	6,000	361
60	52	250	152	900	269	7,000	364
65	56	260	155	950	274	8,000	367
70	59	270	159	1,000	278	9,000	368
75	63	280	162	1,100	285	10,000	370
80	66	290	165	1,200	291	15,000	375
85	70	300	169	1,300	297	20,000	377
90	73	320	175	1,400	302	30,000	379
95	76	340	181	1,500	306	40,000	380
100	80	360	186	1,600	310	50,000	381
110	86	380	191	1,700	313	75,000	382
120	92	400	196	1,800	317	100,000	384
130	97	420	201	1,900	320		
140	103	440	205	2,000	322		

Sumber: Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan (Chua, 2011).

Rajah 2: Cohen et al dalam penentuan sampel saiz.

Saiz populasi	Ralat persampelan 5% dan aras kebolehpercayaan 95% (Aras kesignifikanan = .05)	Ralat persampelan 1% dan aras kebolehpercayaan 99% (Aras kesignifikanan = .01)
	Saiz sampel	Saiz sampel
50	44	50
100	79	99
200	132	196
500	217	476
1,000	278	907
2,000	322	1,661
5,000	357	3311
10,000	370	4950
20,000	377	6578
50,000	381	8195
100,000	383	8926
1,000,000	384	9706

Sumber: Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan (Chua, 2011).


Selepas penentuan sampel saiz, persampelan kebarangkalian atau persampelan bukan kebarangkalian pula akan ditentukan bagi membantu dalam menjayakan kaedah metodologi semasa pengutipan dan pengumpulan data dengan tepat dan jitu. Kedua-dua persampelan ini boleh dinyatakan dalam jadual 1 dan jadual 2. Namun, penentuan sampel saiz dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti jenis kajian (kajian deskriptif atau kajian kuantitatif-subjek banyak; kajian inferensi atau kajian kualitatif-subjek sedikit), jenis populasi (homogenus-saiz sampel kecil; heterogenus-saiz sampel besar), perbelanjaan (masa, kos, bilangan pengkaji, sumber-sumber lain), dan skala pengukuran (skala nominal, skala ordinal, skala selang dan nisbah) (Chua, 2011). Perkara ini amat setuju oleh Gall *et al* (1998) untuk meningkatkan jumlah saiz sampel apabila beberapa keadaan wujud seperti banyak variabel dalam satu kajian, perbezaan atau perhubungan kecil wujud antara variabel-variabel kajian, melibatkan skala selang dan

nisbah, kewujudan sub-sampel, sampel dalam bentuk heterogenus, dan variabel bersandar mempunyai kebolehpercayaan yang rendah.

Penentuan skala dapat dilakukan dengan merujuk kepada objektif kajian yang ingin dicapai dengan menggunakan soal selidik, temu bual atau lain-lain. Skala pengukuran boleh dikategorikan kepada nominal, ordinal, selang dan nisbah. Perbezaan bagi keempat-empat skala ini dapat diterangkan dalam jadual 3. Selain itu, keempat-empat skala ini boleh diaplikasikan ke dalam skala pengukuran khas yang sering digunakan oleh pengkaji, seperti yang terdapat di dalam jadual 4.

Jadual 1: Persampelan kebarangkalian.


Kategori	Persampelan Rawak Mudah	Persampelan Sistemik	Persampelan Rawak Berlapis	Persampelan Kawasan Pelbagai Lapisan	Persampelan Kelompok																				
Penerangan	Setiap subjek dalam populasi mempunyai peluang untuk dipilih sebagai responden kajian.	Setiap subjek dalam populasi mempunyai peluang untuk dipilih sebagai responden kajian.	Setiap subjek dipilih dengan mengambil kira faktor-faktor seperti jantina, bangsa, pendidikan, dan sebagainya.	Setiap subjek mempunyai peluang dipilih dengan merujuk kepada luas kawasan dan bilangan yang mempunyai pelbagai ciri.	Subjek dipilih secara rawak dengan merujuk kepada luas kawasan dengan bilangan subjek yang banyak dalam populasi.																				
Jenis	Homogenus	Homogenus	Heterogenus	Heterogenus	Heterogenus																				
Prosedur	Menetapkan subjek yang dipilih mengikut penetapan lajur dan baris.	Menetapkan subjek yang dipilih mengikut setiap gandaan ke-n.	Menetapkan subjek yang dipilih berdasarkan kepada faktor-faktor tertentu.	Menetapkan subjek yang dipilih dengan berdasarkan kawasan pelbagai lapisan.	Menetapkan subjek secara kelompok dan dipilih secara rawak dengan berdasarkan kawasan.																				
Contoh	<p>1. Jumlah populasi adalah 100, sampel saiz yang diperlukan adalah 60, dan menetapkan 5 lajur dengan setiap populasi yang dipilih kurang daripada nilai 15.</p> <table border="1" style="margin-left: 20px;"> <tr><td>12</td><td>13</td><td>16</td><td>14</td><td>17</td></tr> <tr><td>18</td><td>23</td><td>5</td><td>2</td><td>8</td></tr> <tr><td>4</td><td>2</td><td>3</td><td>12</td><td>13</td></tr> </table> <p>2. Jadi, pemilihan populasi adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="margin-left: 20px;"> <tr><td>12 & 4</td></tr> <tr><td>13 & 2</td></tr> <tr><td>5 & 3</td></tr> <tr><td>14</td></tr> <tr><td>8</td></tr> </table> <p>3. Baris kuning: 18 tidak dipilih kerana melebihi nilai 15; Baris merah: 23 tidak dipilih kerana melebihi nilai 15; Baris biru: 16 tidak dipilih kerana melebihi nilai 15; Baris hijau: 2 & 12 tidak dipilih kerana pernah dipilih; Baris kelabu: 17 & 13 tidak dipilih kerana melebihi nilai 15 dan pernah dipilih.</p>	12	13	16	14	17	18	23	5	2	8	4	2	3	12	13	12 & 4	13 & 2	5 & 3	14	8	<p>1. Jika N=2, maka pemilihan subjek adalah 2, 4, 6, 8, 10 dan berikutnya.</p> <p>2. Sekiranya jumlah populasi adalah besar dan bilangan diperlukan adalah sedikit, maka nilai gandaan boleh ditentukan melalui; $N = (\text{jumlah populasi} \div \text{jumlah diperlukan})$, $N = 350 \div 70 = 5$. Jadi, populasi yang dipilih untuk setiap gandaan adalah 5, 10, 15, 20, 25, dan sehingga 70.</p>	<p>1. Jika pemilihan populasi adalah 100 orang dengan merujuk kepada bilangan bangsa, kebarangkalian untuk bangsa A lebih banyak daripada B dan C, maka pembahagian populasi boleh dibahagi mengikut jumlah A (50), B (30) dan C (20).</p> <p>2. Jika pemilihan populasi adalah 100 orang dengan merujuk kepada jantina dan aras pendidikan, maka setiap lelaki dan perempuan boleh dipilih 10 orang untuk setiap peringkat dari rendah, menengah, diploma, politeknik, dan universiti.</p>	<p>1. Pemilihan populasi ditentukan mengikut kepada kawasan pelbagai lapisan, contohnya lapisan pertama (daerah), lapisan kedua (bandar), lapisan ketiga (47ecan), lapisan keempat (rumah), lapisan kelima (individu).</p> <p>2. Contohnya;</p>	<p>1. Jumlah sampel saiz diperlukan adalah 1300 orang dalam sebuah negara dan memilih sekolah menengah sebagai subjek di sebuah negara (contoh Malaysia) sebagai sampel kawasan.</p> <p>2. 1300 sampel saiz dibahagi 13 negeri, memberikan setiap negeri akan dikutip secara rawak sebanyak 100 sampel saiz.</p>
12	13	16	14	17																					
18	23	5	2	8																					
4	2	3	12	13																					
12 & 4																									
13 & 2																									
5 & 3																									
14																									
8																									



Sumber: Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan (Chua, 2011).

Jadual 2: Persampelan bukan kebarangkalian.

Kategori	Persampelan Secara Kebetulan	Persampelan Bertujuan	Persampelan Kuota	Persampelan Bola Salji	Persampelan Dimensional	Persampelan Kes Kritikal	Persampelan Variasi Maksimum
Penerangan	Subjek yang dipilih secara kebetulan (atau ketersediaan) yang berada berdekatan (atau paling dekat) dengan pengkaji.	Subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu sahaja dipilih untuk dijadikan sebagai responden, dan bukan semua populasi berpeluang dijadikan responden.	Kaedah persampelan rawak berlapis (termasuk persampelan kawasan pelbagai lapisan) berlaku, dan hanya subjek dikategorikan sahaja dipilih sebagai responden.	Subjek dipilih (dengan tiada maklumat yang diperlukan untuk pengkajian) melalui cadangan subjek lain yang mempunyai ciri-ciri yang sesuai untuk kajian.	Subjek dipilih dalam bilangan kecil yang mempunyai ciri-ciri diminati pengkaji untuk dijadikan responden kajian.	Subjek dipilih melibatkan kes-kes spesifik dengan mempunyai tingkah laku aneh, luar biasa, atau jarang dijumpai.	Subjek dipilih sekurang-kurangnya dua orang untuk membuat perbandingan yang mempunyai nilai selang.
Prosedur	Selalunya digunakan dalam temu bual.	Menggunakan sampel rawak.	Menggunakan persampelan rawak berlapis dengan menentukan kuota-	Temubual atau soal selidik dilakukan (dan tidak sesuai untuk sampel rawak dengan	Pengkaji memilih beberapa responden (yang mempunyai kesemua ciri-ciri)	Melibatkan kaedah kualitatif (atau melibatkan kajian kes) untuk menyelidik	Sampel dipilih akan mewakili tahap terendah dan tahap tertinggi dalam

			kuota yang dikategorikan oleh pengkaji.	melibatkan perkara sensitif atau tidak dibenarkan pihak-pihak tertentu contoh politik, jenayah, dan lain-lain).	untuk dijadikan sampel saiz dengan bertujuan mengurangkan jumlah populasi (daripada persampelan kuota).	sesuatu perkara secara teliti dan terperinci.	variabel yang mempunyai nilai selanjut.
Contoh	Dalam kelas, mahasiswa disusun mengikut lajur dan baris. Jadi, mahasiswa yang berada pada baris yang sama dengan pengkaji akan berpeluang memberi maklumat kerana berada berdekatan dengan pengkaji.	Pengkaji membuat kajian tentang keburukan merokok, dan dalam kelas hanya mahasiswa yang merokok sahaja dipilih sebagai responden, dan hasil kajian tidak dapat digeneralisasikan kepada seluruh populasi mahasiswa.	Jumlah populasi yang diperlukan adalah 50 orang daripada mahasiswa-mahasiswa (lelaki dan perempuan) yang kerap menggunakan internet (melebihi 5 jam seminggu) dan jarang menggunakan internet (kurang daripada 5 jam seminggu).	Pengkaji akan menjalankan temubual atau soal selidik kepada golongan kecil satu demi satu untuk mengenalpasti sampel saiz yang diperlukan, dan ianya dilakukan sehingga pengkaji memperoleh semua responden yang dikehendaki.	Pengkaji menetapkan sebanyak 20 orang (lelaki dan perempuan) dijadikan sampel saiz dalam kalangan 50 orang mahasiswa (yang menggunakan internet melebihi 5 jam seminggu dengan bertujuan untuk pengajian).	Pengkaji membuat kajian tentang penderaan kanak-kanak oleh pembantu rumah, perasaan seorang penjenayah ragut terhadap golongan perempuan, dan sebagainya.	Tahap IQ pelajar dalam kelas matematik: 

Sumber: Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan (Chua, 2011).

Jadual 3: Perbezaan keempat-empat skala.

Kategori	Skala Nominal	Skala Ordinal	Skala Selang	Skala Nisbah
Penerangan	Menggunakan angka untuk mewakili kategori sesuatu variabel.	Menggunakan data kontinum yang disusun dari angka kecil hingga ke angka besar, dimana angka kecil mewakili nilai kecil atau kategori variabel yang negatif dan angka besar mewakili nilai besar atau kategori variabel yang positif.	Menggunakan data kontinum yang disusun dari angka kecil hingga ke angka besar, dimana angka kecil mewakili nilai kecil dan angka besar mewakili nilai besar.	Menggunakan data kontinum yang disusun dari angka kecil hingga ke angka besar, dimana angka kecil mewakili nilai kecil dan angka besar mewakili nilai besar, cuma skala ini mempunyai nilai sifar benar.
Contoh	1 = Lelaki 2 = Perempuan	1 = ≤ RM 5.00 2 = RM 6.00 – RM 10.00 3 = RM 11.00 – RM 15.00 4 = RM 16.00 – RM 20.00 5 = ≥ RM 21.00 ATAU 1 = Sangat Tidak Setuju 2 = Tidak Setuju 3 = Normal 4 = Setuju	Kajian menilai suhu untuk sebuah kolam bagi tempoh untuk satu hari adalah; 1 = 24 °C 2 = 36 °C 3 = 55 °C 4 = 63 °C 5 = 52 °C Oleh itu, nilai min untuk suhu kolam bagi tempoh satu hari adalah (jumlah °C) ÷ 5 kali, iaitu 46.	Markah peperiksaan matematik bagi seorang pelajar: 1 = 0 % 2 = 13 % 3 = 25 % 4 = 45 % 5 = 66 % Oleh itu, nilai min untuk pelajar ini untuk mengambil peperiksaan sebanyak 5 kali adalah (jumlah markah) ÷ 5 kali,

	5 = Sangat Setuju	iaitu 29.8
--	-------------------	------------

Sumber: Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan (Chua, 2011).

Jadual 4: Skala pengukuran khas

Kategori	Skala Likert	Skala Thurstone	Skala Guttman	Skala Perbezaan Prosedur Semantik
Penerangan	Melibatkan skala ordinal.	Melibatkan skala selang.	Melibatkan skala ordinal.	Melibatkan skala ordinal.
Contoh	1 = Sangat Tidak Setuju 2 = Tidak Setuju 3 = Normal 4 = Setuju 5 = Sangat Setuju	1 = Ya 2 = Tidak	1 = Ya 2 = Tidak	1 = Sangat Tidak Setuju 2 = Tidak Setuju 3 = Normal 4 = Setuju 5 = Sangat Setuju

Sumber: Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan (Chua, 2011).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kaedah metodologi amat penting dan perlu diutamakan sebelum dan semasa kajian penyelidikan dijalankan. Hal ini kerana sedikit kesilapan dan kecuaiian dalam kaedah metodologi akan menyebabkan kajian penyelidikan tersebut kurang tepat dan jitu untuk menghasilkan informasi dan maklumat bagi menyelesaikan sesuatu isu atau masalah masyarakat. Kaedah metodologi akan melibatkan proses perancangan, proses aplikasi, dan proses analisis, dimana kesemua proses ini akan melibatkan konsep kuantitatif atau kualitatif, data primer atau data sekunder, reka bentuk penyelidikan melalui kajian eksperimental dan bukan eksperimental, penentuan sampel saiz dengan kawasan sampel, dan penentuan skala pengukuran. Dalam sampel saiz, ianya boleh ditentukan melalui formula, Krejcie dan Morgan (1970), serta Cohen *et al* (2001). Apabila sampel saiz diaplikasikan di sesuatu kawasan, maka persampelan kebarangkalian dan bukan kebarangkalian akan terlibat dalam menentukan kuantiti dan kualiti pengutipan data-data untuk penyelidikan. Selain itu, pengukuran skala seperti nominal, ordinal selang dan nisbah dalam soal selidik atau temu bual juga harus diberi perhatian kerana keempatempat skala ini akan menentukan pengukuran khas dalam menjalankan sesuatu analisis kajian. Oleh itu, kajian literatur ini mencapai objektif dalam menyatakan, menerangkan, dan menghuraikan kajian penyelidikan dalam kaedah metodologi.

Rujukan

- Bertaux, D. (1981). From the life-history approach to the transformation of sociological practice. In Daniel Bertaux (Ed.), *Biography and society: The life history approach in the social sciences* (pp.29-45). London: Sage.
- Chua, Y.P. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan*. McGrawHill Education.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2001). *Research methods in education* (5th ed.). London: Routledge Falmer.
- Gall, M.G., Borg, W.B., & Gall, J.P. (1998). *Applying educational research*. New York: Longman Publishing Group.
- Godden, B. (2004). *Sample size calculation*.
- Guest, G., Bunce, A. and Johnson, L. (2006). "How many interviews are enough? An experiment with data saturation and variability". *Field Methods*, **18**(1), 59-82.
- Guttman, L. (1940). Multiple rectilinear prediction and the resolution into components. *Psychometrika*. **5**(2), 75-99.
- Hua, A.K. and Marsuki, M.Z. (2014). Public perception towards environmental awareness. Case study: Malacca River. *International Journal of Academic Research in Environment and Geography*. **1**(2), 53-61.
- Hua, A.K. (2014). Sungai Melaka dan Pelan Pembangunan Sumber Air negeri: kajian kes persepsi warga tempatan. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. **10**(6), 57-65.
- Hua, A.K. (June 2015). An Indication of Policy Study towards Water Resource in Malacca State: A Case Study of Malacca River, Malaysia. *International Research Journal of Social Sciences*. **4**(6), 15-20.
- Hua, A.K. (2016a). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Kes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. **1**(1), 17-23.
- Hua, A.K. (2016b). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. **1**(2), 17-24.
- Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*. **30**, 608.

- Likert, R. (1932). A technique for the measurement of attitudes. *Archives of psychology*.
- Osgood, C.E. (1957). A behavioristic analysis of perception and language as cognitive phenomena. *Contemporary approaches to cognition*. 75-118.
- Thurstone, L.L. (1927). A law of comparative judgement. *Psychological review*. **34**(4), 273.